

15 DEC 1998

Asean-Abdullah/I

KEMBOJA DIJANGKA ANGGOTAI ASEAN Hujung Bulan Ini

Oleh: E. Sivabalan

HANOI, 15 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Kemboja akan diterima sebagai anggota Asean hujung bulan ini.

"Ia merupakan hadiah tahun baru (bagi Perdana Menteri Kemboja Hun Sen)," kata beliau kepada wartawan-wartawan Malaysia semasa memberi taklimat mengenai Sidang Kemuncak Asean Keenam yang dirasmikan di sini, hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai mengumumkan yang pemimpin-pemimpin Asean telah memutuskan untuk menerima Kemboja sebagai anggota ke 10 perkumpulan serantau itu.

Khai berkata, para pemimpin telah mengarahkan Menteri Luar masing-masing untuk mengadakan majlis khas bagi untuk menerima Kemboja sebagai anggota Asean di Hanoi.

Apabila ditanya sama ada Kemboja akan diterima secara rasmi di sini, esok di akhir sidang kemuncak dua hari itu, Abdullah berkata tidak mungkin kerana sudah lewat untuk membuat persiapan.

Beliau berkata, ia terpulang kepada Menteri Luar Singapura S.Jayakumar sebagai pengerusi Jawatankuasa Tetap Asean untuk memutuskan bila majlis itu akan diadakan.

"Kita berharap majlis itu akan diadakan seberapa segera yang boleh," kata Abdullah.

Menteri itu berkata, kini pemimpin-pemimpin Asean telah bersetuju untuk menerima Kemboja di Hanoi, maka tiada lagi masalah.

"Kita tidak perlu melengahkan lagi perkara ini," kata beliau.

Mengenai sidang kemuncak hari ini, Abdullah berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa kepada perhatian pemimpin-pemimpin mengenai undang-undang tanah dan pentadbirannya yang berbeza mengikut negara-negara anggota.

Abdullah berkata ada kemungkinan negara-negara anggota Asean akan menyeragamkan aspek-aspek berkaitan undang-undang itu bagi memudahkan para pelabur untuk melabur.

Menurut beliau, perbincangan pemimpin Asean yang mencakupi pelbagai isu termasuk bidang ekonomi, kewangan dan sebagainya menjurus ke arah mengeratkan kerjasama dan perpaduan dalam kumpulan itu.

"Persefahaman yang ditunjukkan oleh pemimpin Asean begitu baik malah tiada perbalahan di kalangan mereka semasa membincangkan sesuatu perkara," kata beliau.

-- BERNAMA

ES PR